

# Kerajaan kaji naikkan hukuman denda sehingga RM100,000 dan penjara 20 tahun



Guan Eng menyampaikan cek sumbangan kepada anak mangsa kemalangan maut di Butterworth semalam.

**BUTTERWORTH** - Kerajaan sedang merangka untuk meminda hukuman lebih berat terhadap pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol, dadah dan secara berbahaya sehingga menyebabkan kematian.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, cadangan pindaan itu ialah dengan menaikkan kadar denda daripada tidak lebih RM20,000 sehingga RM100,000 dan penjara 20 tahun berbanding 10 tahun ketika ini.

Beliau berkata, hukuman lebih berat perlu diteliti oleh kerajaan agar kesalahan itu tidak dipandang ringan pengguna jalan raya kerana ia melibatkan keselamatan dan nyawa orang lain.

“Kerajaan sedang merangka untuk meminda hukuman bagi Seksyen 41 (Akta Pengangkutan Jalan 1987) bagi mereka yang telah menyebabkan kematian akibat kemalangan kerana memandu dalam keadaan

mabuk,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau ditemui pemberita selepas menziarahi lima beradik yang kehilangan bapa mereka, Khairizul Mohamad Noor, 39, di Jalan Haji Mohd Saad, Bagan Jermal di sini akibat dilanggar pemandu kereta dipercayai mabuk Ahad lalu.

Akibat kejadian kira-kira 5 pagi itu, Khairizul Mohamad meninggal dunia di tempat kejadian selepas mengalami kecederaan parah di kepala dan badan manakala isterinya, Zuriana Hasan, 35, yang cedera parah kini masih koma di Hospital Seberang Jaya di sini.

Dalam lawatan berkenaan, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan menyampaikan sumbangan RM5,000 kepada lima orang anak pasangan itu yang berusia 16 tahun sehingga setahun sembilan bulan.